**SYARAT-SYARAT PENYERTAAN AM**
**Pertandingan Sempena Sambutan Pemerhatian Helang 2010**
**Biodiversity: Connecting with Nature**

1. Pertandingan ini terbuka kepada semua pelajar sekolah menengah di Malaysia (Umur 13 hingga 18 tahun) dan sekolah rendah (Umur 10 hingga 12 tahun).

2. Penyertaan adalah tidak terhad bagi setiap pelajar tetapi setiap pelajar hanya layak memenangi **SATU** hadiah sahaja.

3. Kategori-kategori pertandingan yang terlibat adalah seperti berikut:

   **SEKOLAH MENENGAH**
   a. Pertandingan Melukis Poster
   b. Pertandingan Melukis Kartun
   c. Pertandingan Menulis Cerita

   **SEKOLAH RENDAH**
   a. Pertandingan Melukis Poster

4. Tema Pertandingan: **BIODIVERSITY: CONNECTING WITH NATURE**

5. Hasil kerja haruslah memberi tumpuan kepada perkara yang berkaitan dengan tanah lembap dan isunya serta fenomena migrasi burung di Malaysia atau lebih spesifiknya di Tanjung Tuan.

6. Hasil kerja perlulah memberi tumpuan kepada spesies burung pemangsa tempatan atau migrasi yang boleh didapati di Malaysia.

7. Setiap penyertaan mesti disertakan dengan borang penyertaan (seperti yang dilampirkan). Borang penyertaan boleh difotokopi.

8. Proses pengadilan adalah berdasarkan kriteria-kriteria berikut:
   - Kreativiti hasil penyertaan
   - Keaslian konsep
   - Keberkesanan penyampaian mesej
   - Penggunaan bahasa (terutamanya bagi Pertandingan Menulis Cerita)

   Keputusan pengadil adalah muktamad.

9. Semua hasil karya akan menjadi hakmilik pihak penganjur.

10. Sijil penyertaan akan diberi kepada peserta-peserta dengan hasil penyertaan yang **memuaskan** sahaja.

11. Tarikh tutup penyertaan adalah pada **22 Februari 2010**. Penyertaan tidak akan diterima selepas tarikh tutup penyertaan. Hasil lukisan perlu dihantar ke

    **Jabatan Pendidikan Alam Sekitar**
    **Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS)**
    **JKR 641, Jalan Kelantan**
    **50480 Kuala Lumpur**

12. Pemenang-pemenang pertandingan bagi kategori sekolah menengah yang berjaya akan dijemput untuk menyertai Perkhemahan Kelab Pencinta Alam Zon yang akan diadakan dari 14-16 Mac 2010, sebagai sebahagian daripada pakej hadiah pemenang.

## SYARAT-SYARAT PENYERTAAN SPESIFIK

### a. PERTANDINGAN MELUKIS POSTER

1. Saiz lukisan mestilah berukuran 15 inci X 22 inci. Pihak penganjur berhak untuk tidak menerima penyertaan lukisan poster yang menggunakan saiz kertas lukisan yang jauh berbeda daripada saiz yang dinyatakan di atas.

2. Medium lukisan yang diterima adalah seperti berikut:
   a. Cat air
   b. Krayon
   c. Kolaj yang menggunakan bahan terbuang atau bahan yang boleh dikitar semula atau bahan semula jadi yang sudah mati dan kering (e.g. daun kering, ranting kayu kering, tanah dan sebagainya). Cengkerang tidak dibenarkan sama sekali.

### b. PERTANDINGAN MEREKA KARTUN ALAM SEKITAR

1. Kartun alam sekitar hendaklah dilukis dengan menggunakan pensel hitam (2B) ataupun pen berdakwat hitam sahaja.

2. Had maksimum : 2 muka surat (Saiz kertas: A 4)

   Kartun tersebut mestilah dilukis pada **satu muka kertas A4 sahaja**. Sila jangan melukis kartun pada muka belakang kertas A4 kerana ia boleh menjejaskan kualiti lukisan dan hasil penyertaan).

3. Bahasa: Bahasa Malaysia ATAU Bahasa Inggeris

4. Lukisan kartun mestilah jelas dan sebarang tulisan / cetakan dialog mestilah mudah dibaca.

### c. PERTANDINGAN PENULISAN CERITA KREATIF ALAM SEKITAR

1. Penulisan cerita alam sekitar ini hendaklah bertaip dengan menggunakan panduan berikut:

   Font: Times New Roman

   Saiz font: 12 Spacing: 1.5 Saiz kertas: A4

   Had maksimum : 2 muka surat kertas A 4 yang dicetak pada kedua-dua belah (depan dan belakang muka surat).

2. Bahasa: Bahasa Malaysia ATAU Bahasa Inggeris

3. Bagi kategori pertandingan ini, penggunaan bahasa akan dinilai dan dititikberatkan.

**HADIAH**
**Pertandingan Melukis Poster, Kartun Alam Sekitar dan Cerita Alam Sekitar**
**Sempena Sambutan Pemerhatian Helang 2010**

**KATEGORI SEKOLAH MENENGAH**
**Pertandingan Melukis Poster, Mereka Kartun Alam Sekitar dan Menulis Cerita Alam Sekitar**

Hadiah Pertama
- Wang tunai bernilai RM 250
- Sijil penyertaan
- Menyertai perkhemahan Kelab Pencinta Alam (13-14 Mac 2009)

Hadiah Kedua
- Wang tunai bernilai RM 200
- Sijil penyertaan
- Menyertai perkhemahan Kelab Pencinta Alam (13-14 Mac 2009)

Hadiah Ketiga
- Wang tunai bernilai RM 150
- Sijil penyertaan
- Menyertai perkhemahan Kelab Pencinta Alam (13-14 Mac 2009)

3 Hadiah Saguhati
- Wang tunai bernilai RM 100
- Sijil penyertaan
- Menyertai perkhemahan Kelab Pencinta Alam (13-14 Mac 2009)

**KATEGORI SEKOLAH RENDAH**
**Pertandingan Melukis Poster**

Hadiah Pertama
- Wang tunai bernilai RM 150
- Sijil penyertaan
- Voucher Sambutan Minggu Pemerhatian Helang 2010 bernilai RM 50 (perlu digunakan dalam tempoh 13-14 Mac 2009)

Hadiah Kedua
- Wang tunai bernilai RM 100
- Sijil penyertaan
- Voucher Sambutan Minggu Pemerhatian Helang 2010 bernilai RM 40 (perlu digunakan dalam tempoh 13-14 Mac 2009)

Hadiah Ketiga
- Wang tunai bernilai RM 80
- Sijil penyertaan
- Voucher Sambutan Minggu Pemerhatian Helang 2010 bernilai RM 30 (perlu digunakan dalam tempoh 13-14 Mac 2009)

3 Hadiah Saguhati
- Voucher bernilai RM 50
- Sijil penyertaan